
ANALISIS KEPERLUAN PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN KOSA KATA BERSUMBERKAN *SUNDAIT* BAHASA KADAZANDUSUN UNTUK SEKOLAH RENDAH

Patrick Jolius[#], Rosliah Kiting[#], Juppri Bacotang^{*}

[#] *Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg. Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia*
E-mail: ondu77@gmail.com ; rosliah@fbk.upsi.edu.my

^{*} *Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia*
E-mail: juppri@ums.edu.my

Abstrak

Kosa kata merupakan elemen bahasa yang perlu dikuasai oleh semua pelajar. Kuantiti dan kualiti kosa kata yang dimiliki seseorang menentukan keterampilan berbahasa. Dalam konteks kajian Bahasa Kadazandusun (BKD) banyak dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar tidak dapat memahami teks bertulis dan tidak mahir berkomunikasi BKD ketika sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) kerana kekurangan kosa kata. Guru BKD memainkan peranan penting dalam memperkaya kosa kata pelajar. Penguasaan kosa kata yang luas selanjutnya dapat meningkatkan keterampilan berbahasa. Justeru, kajian kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan berasaskan soal selidik dilaksanakan bagi mendapatkan maklum balas guru-guru BKD terhadap keperluan pembangunan modul pengajaran kosa kata bersumberkan *sundait* (teka-teki) untuk sekolah rendah. Seramai 59 guru BKD sekolah rendah di daerah Penampang dilibatkan sebagai responden kajian. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 28.0 untuk mendapatkan nilai min dan sisihan piawai. Dapatan kajian memaparkan keperluan pembangunan modul pada tahap yang sangat tinggi. Guru-guru BKD memerlukan modul pengajaran kosa kata yang diselarikan dengan penggunaan buku teks berbentuk aktiviti dan latihan. Disamping itu guru-guru BKD juga menyatakan kesesuaian penerapan *sundait* terhadap modul pada tahap tinggi. Implikasi kajian ini ialah, penghasilan modul khusus pengajaran kosa kata BKD yang berkualiti, berimpak dan menepati keperluan PdP berasaskan pandangan pakar dan guru-guru BKD.

Kata Kunci: Bahasa Kadazandusun; Kosa kata; Pembangunan modul; Sundait

I. PENGENALAN

Bahasa merupakan cerminan jati diri dan identity sesuatu bangsa. Kewujudan sesuatu kaum seiring dengan kewujudan sesuatu bahasa. Bahasa penting sebagai saluran komunikasi [1],[2] di dalam interaksi sosial wajar dilestarikan terutamanya melalui bidang pendidikan.

Pengajaran subjek BKD sekolah rendah telah dimulakan secara rasmi pada 17 Februari 1997. Matlamat kurikulum BKD antaranya ialah agar pelajar-pelajar yang mengambil subjek BKD memperoleh keterampilan komunikasi BKD, menjiwai dan mengaplikasi nilai murni disamping memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara. Kelestarian BKD turut ditekankan melalui usaha memupukan kesedaran identiti, pemantapan

jati diri bangsa Kadazandusun dan meningkatkan pengetahuan terhadap warisan dan budaya [3].

Pemeriksaan kurikulum BKD terutamanya dalam aspek PdP terus dilaksanakan terutamanya oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK). Selain latihan dan kursus kepada guru-guru BKD, BPK juga turut menerbitkan buku-buku untuk kegunaan guru-guru BKD. Buku DSKP KSSR BKD terbitan BPK menjadi sumber rujukan utama digunakan seiringan dengan buku-buku teks dan buku-buku aktiviti terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

DSKP memaparkan susunan kemahiran bahasa secara modular. Disamping menekankan kemahiran bahasa dan sistem bahasa, kelestarian tradisi dan budaya warisan kaum Kadazan dan Dusun turut diambil berat. Antara jenis sastera warisan yang diterapkan di dalam subjek BKD ialah

sundait (teka-teki), *Sudawil* (pantun), *sisindiron* (sajak), *talaala* (puisi) dan sebagainya. Guru-guru BKD boleh menerapkan mana-mana elemen seni bahasa bagi menjadikan suasana PdP yang menarik.

Kini, pengajaran subjek BKD sudah menjangkau usia dua dekad. Terdapat pelbagai isu yang masih menjadi hambatan dalam usaha melestarikan BKD terutamanya dalam aspek kemenjadian murid. Antaranya ialah rungutan dan kebimbangan ibu bapa terhadap anak mereka yang masih lagi tidak menguasai komunikasi BKD sungguhpun sudah mempelajari bahasa berkenaan di sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah [3]. Disamping itu Mantan Setiausaha Agung KDCA, Datuk Wilfred Bumburing (Daily Express, 29 September 2018) menyatakan bahawa subjek BKD mengalami kekurangan bahan pembelajaran disamping jumlah waktu pembelajaran yang terhad [4].

Kosa kata adalah asas penguasaan kemahiran mendengar, menulis, membaca dan bertutur yang perlu dititikberatkan. Kekurangan kosa kata menghalang proses komunikasi [5],[6].

Perbincangan isu pengetahuan kosa kata pelajar boleh mengguna pakai isu masalah umum berbahasa yang lain seperti masalah pencemaran bahasa. Sebagai contoh masalah pencemaran Bahasa Melayu (BM) terjadi apabila pelajar cenderung membuat terjemahan secara literal dari BM kepada Bahasa Inggeris (BI) kerana tidak tahu kosa kata yang tepat dan sepadan [7]. Masalah penggunaan kosa kata berlaku dalam komunikasi lisan dan juga komunikasi bertulis [2]. Kesalahan ejaan, sebutan dan pemilihan kata yang tepat adalah antara masalah penggunaan kosa kata yang dihadapi oleh pelajar [8].

Dalam konteks BKD, murid yang terhad penguasaan kosa kata tidak memahami BKD. Ini menyukarkan aspek penulisan dan komunikasi [9]. Kosa kata BKD yang menggunakan bahasa Bundu-Liwan sebagai bahasa piawai turut dilaporkan menjadi penyebab kesukaran pelajar-pelajar menguasai kosa kata dan menjadi halangan komunikasi BKD [9].

Justeru, kajian ini mensasarkan kepada pembangunan modul bagi memperkaya kemahiran kosa kata pelajar selanjutnya menangani masalah kurang penguasaan komunikasi BKD. Modul yang dibangunkan akan menjadikan *sundait* sebagai sumber kosa kata, sumber aktiviti dan latihan. *Sundait* juga turut menjadi elemen didik hibur yang diterapkan didalam modul. Modul yang dibangunkan juga akan dapat menambah dan memperkaya bahan-bahan PdP BKD yang dilaporkan kurang.

II. KAJIAN LITERATUR

Perkataan modul sering digunakan oleh pelbagai pihak bagi merujuk pada penghasilan bahan, alat sumber, dan panduan berbentuk penerbitan bagi

mencapai objektif tertentu [10]. Dalam bidang pendidikan, modul menjadi bahan PdP bagi menambah pemahaman pelajar terhadap tajuk tertentu. Misalnya, penggunaan modul dengan mengintegrasikan multimedia bagi pengajaran kosa kata *boros maan* (kata kerja) telah meningkatkan pencapaian kosa kata murid dalam BKD. Ia juga telah menambah bahan bantu mengajar guru BKD [9]. Pembangunan modul pengajaran kosa kata melalui pengaplikasian multimedia interaktif perlu diperluaskan bagi memudahkan murid mempelajari kosa kata disamping menjimatkan masa guru BKD [9].

Pembangunan modul secara menyeluruh, berkesinambungan dan mengikut tahap yang sesuai perlulah dilaksanakan oleh pihak berwajib. Aspek morfologi BKD seperti *boros ngaran* (kata nama), *boros maan* (kata kerja) transitif dan seumpamanya perlu diperkenalkan lebih awal kepada pelajar BKD [9].

Selain mengambil kira perbezaan kebolehan pelajar, kandungan aktiviti modul haruslah dibangunkan selaras dengan objektif yang ingin dicapai [10]. Aktiviti berteka-teki adalah antara kaedah didik hibur yang disarankan di dalam PdP [11], [12],[13].

Teka-teki, *riddles* dalam bahasa Inggeris dan *sundait* dalam BKD adalah genre sastera rakyat [14]. Kekayaan dan kepelbagaian kosa kata *sundait* Kadazandusun dapat dilihat dengan jelas sesuai dengan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas terutamanya dari aspek pengelasan. Pengelasan *sundait* yang dilakukan pengkaji berasaskan subjek kategori (jawapan teka-teki), memaparkan pelbagai jenis kosa kata. Antaranya adalah kosa kata berkaitan (i) alam, (ii) tumbuh-tumbuhan, peralatan dan aktiviti pertanian, (iii) binatang; (iv) tempat tinggal, aktiviti dan kehidupan seharian dan (v) diri manusia [14].

Sundait sesuai diterapkan dalam PdP bagi meningkatkan kefahaman dan memupuk rasa cinta terhadap budaya warisan Kadazandusun [12]. Disamping itu penerapan teka-teki atau *riddles* dalam PdP dapat meningkatkan penguasaan kosa kata [15] dan menggalakkan interaksi pelajar [16].

Unsur teka-teki yang diterapkan dalam kurikulum BKD diterjemahkan ke dalam kandungan buku teks BKD sekolah rendah (KSSR, Semakan 2017) iaitu, buku teks BKD tahun empat di muka surat 113, dan buku teks BKD tahun enam di muka surat 61. Aktiviti *sundait* BKD tahun empat melibatkan standard kemahiran (4.2.1) (i) mengemukakan *sundait* dengan intonasi yang betul, (4.2.2) (ii) mencipta *sundait* dan (4.2.3) (ii) mengekspresikan maklumat dari petikan *sundait* dalam bentuk kolaj [17]. Manakala aktiviti *sundait* tahun enam melibatkan standard kemahiran (4.2.1) mendegar *sundait* dan meneka jawapan *sundait* [18].

Fungsi *sundait* sebagai pemangkin pembelajaran aspek kosa kata dan galakan interaksi

pelajar masih belum diaplikasikan di dalam kurikulum BKD. *Sundait* di masukkan sebagai unsur seni bahasa hanya sebagai sisipan kecil di dalam kurikulum BKD sekolah rendah.

III. KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian kuantitatif iaitu kaedah tinjauan berasaskan soal selidik dilaksanakan bagi mendapatkan pandangan guru BKD sekolah rendah terhadap keperluan pembangunan modul. Kajian dijalankan di daerah Penampang Sabah kerana lokasi yang sesuai dan memudahkan pengkaji untuk melaksanakan kajian. Kaedah persampelan yang digunakan ialah kaedah persampelan bertujuan. Seramai 59 guru BKD sekolah rendah dilibatkan sebagai responden kajian.

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah Borang Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan Modul Pengajaran Kosa Kata Bersumberkan *Sundait* Bahasa Kadazandusun Untuk Sekolah Rendah. Seseengah item pengukuran boleh dibangunkan berdasarkan kepada petunjuk-petunjuk dalam peringkat operasional. Sebagai contoh item berskala likert adalah sesuai bagi mewakili konsep pemboleh ubah “kepuasan kerja” [19].

Justeru, pengkaji telah menyediakan sendiri instrumen soal selidik skala likert melalui kaedah tinjauan literatur dan analisis dokumen bagi mewakili konsep pemboleh ubah “keperluan pembangunan modul”. Borang soal selidik mengandungi 56 item yang dibahagikan kepada lima bahagian iaitu; (i) Bahagian A: Data demografi responden yang mengandungi 5 item; (ii) Bahagian B: Keperluan terhadap pembangunan modul yang terdiri daripada 15 item; (iii) Bahagian C: Keperluan terhadap kandungan modul yang terdiri daripada 21 item; (iv) Bahagian D: Kesesuaian penerapan *sundait* yang terdiri daripada 12 item dan (v) Bahagian E: Masalah dan cabaran pengajaran kosa kata BKD yang terdiri daripada 3 item soalan terbuka.

Instrumen yang telah dibangunkan telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan. Tiga orang panel pakar yang dilantik bagi menentukan kesahan kandungan melalui pengiraan nilai *Content Validation Index* (CVI). Penambahbaikan instrument dilaksanakan berdasarkan saranan dan maklum balas daripada pakar.

Selanjutnya, kajian rintis dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilaksanakan bagi mendapatkan pekali kebolehpercayaan setiap item soal selidik. Seramai 30 orang guru BKD sekolah rendah dari berbagai daerah memberi maklum balas melalui soal selidik yang dilaksanakan melalui *google form*. Nilai keseluruhan pekali kebolehpercayaan bagi Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan Modul Pengajaran Kosa Kata Bersumberkan *Sundait* Bahasa Kadazandusun Untuk Sekolah Rendah ialah 0.97, iaitu berada pada tahap cemerlang. Setiap konstruk turut memberikan tahap cemerlang iaitu (i) Keperluan pembangunan modul (0.92); (ii) Keperluan terhadap kandungan modul (0.96) dan (iii) Kesesuaian penerapan *sundait* (0.97). Justeru, instrument ini boleh diguna pakai kerana menunjukkan ketekalan dalaman yang tinggi iaitu CA melebihi nilai 0.7 [20].

IV. KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatkan kajian dibincangkan selaras dengan tiga objektif kajian iaitu (i) Menganalisis keperluan pembangunan modul; (ii) Mengenal pasti struktur dan bentuk modul dan (iii) mengenal pasti keperluan penerapan *sundait*. Analisis deskriptif berbentuk skor min dan sisihan piawai digunakan dalam menganalisis konstruk-konstruk yang dinyatakan.

A. Menganalisis keperluan pembangunan modul

Jadual 1 memaparkan skor min dan sisihan piawai bagi analisis keperluan pembangunan modul.

Jadual 1: Analisis keperluan pembangunan modul

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1.	Pada masa kini, tidak terdapat bahan khusus untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) kosa kata BKD.	3.90	0.86	Tinggi
2.	Pengajaran kosa kata BKD secara berfokus boleh dilaksanakan melalui modul khusus.	4.31	0.81	Sangat tinggi
3.	Modul pengajaran kosa kata perlu dibangunkan untuk menambah bahan-bahan pengajaran BKD.	4.68	0.50	Sangat tinggi
4.	Modul pengajaran kosa kata perlu dibangunkan sebagai rujukan guru untuk mengajar kosa kata yang terdapat di dalam buku teks BKD.	4.66	0.51	Sangat tinggi
5.	Modul pengajaran kosa kata perlu dibangunkan sebagai bahan latihan bagi membantu pelajar mengembangkan kosa kata BKD.	4.69	0.46	Sangat tinggi

6.	Modul pengajaran kosa kata perlu dibangunkan untuk membantu pelajar menguasai makna perkataan yang digunakan dalam buku teks BKD.	4.75	0.43	Sangat tinggi
7.	Modul pengajaran kosa kata perlu dibangunkan untuk membantu pelajar menguasai makna perkataan yang digunakan dalam buku teks BKD.	4.53	0.56	Sangat tinggi
8.	Pengajaran kosa kata BKD perlu berasaskan aktiviti.	4.56	0.56	Sangat tinggi
9.	Pengajaran kosa kata BKD perlu berasaskan latihan.	4.49	0.56	Sangat tinggi
10.	Pengajaran kosa kata BKD berunsur aktiviti akan mengukuhkan ingatan pelajar terhadap kosa kata baharu.	4.54	0.53	Sangat tinggi
11.	Pengajaran kosa kata BKD berunsur latihan akan mengukuhkan ingatan pelajar terhadap kosa kata baharu.	4.58	0.49	Sangat tinggi
12.	Pelajar boleh menilai sendiri tahap pencapaian kemahiran kosa kata BKD berbantuan modul.	4.39	0.64	Sangat tinggi
13.	Pengajaran kosa kata BKD berbantuan modul boleh dilaksanakan secara individu.	4.36	0.71	Sangat tinggi
14.	Pengajaran kosa kata BKD berbantuan modul boleh dilaksanakan secara berkumpulan.	4.49	0.56	Sangat tinggi
15.	Pengajaran kosa kata berbantuan modul boleh dilaksanakan sebelum pengajaran tajuk tertentu di dalam buku teks BKD.	4.59	0.49	Sangat tinggi
Nilai Keseluruhan		4.50	0.40	Sangat tinggi

Analisis keperluan pembangunan modul ialah 4.50, iaitu berada pada tahap sangat tinggi dengan nilai sisihan piawai 0.40. Konstruk ini mengandungi 15 item. Kesemua item soal selidik menunjukkan nilai min berada pada tahap tinggi kecuali item nombor satu iaitu "*Pada masa kini, tidak terdapat bahan khusus untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) kosa kata BKD*" yang mencatatkan min 3.90 dengan sisihan piawai 0.86 berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa

pembangunan modul pengajaran kosa kata sangat diperlukan untuk kegunaan pelajar dan guru dalam PdP. Ini akan dapat menambah bahan PdP bagi menangani kekurangan bahan PdP seperti yang dilaporkan dalam kajian lepas [4],[21].

B. Mengenal pasti struktur dan bentuk modul
 Jadual 2 memaparkan skor min dan sisihan piawai bagi analisis terhadap struktur dan bentuk modul.

Jadual 2: Analisis keperluan pembangunan modul terhadap struktur dan bentuk modul

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
16.	Tema kandungan modul diselarikan dengan tema Buku Teks Bahasa Kadazandusun sekolah rendah.	4.69	0.50	Sangat tinggi
17.	Tajuk unit kandungan modul diselarikan dengan tajuk-tajuk di dalam Buku Teks Bahasa Kadazandusun.	4.66	0.51	Sangat tinggi
18.	Modul yang dibangunkan perlu mengandungi ilustrasi.	4.61	0.52	Sangat tinggi
19.	Sistem bahasa yang digunakan dalam modul adalah berpandukan kepada <i>Puralan Boros Kadazandusun id Sikul</i> yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.	4.58	0.53	Sangat tinggi
20.	Kosa kata <i>sundait</i> BKD adalah berpandukan kepada Buku Teks Bahasa Kadazandusun sekolah rendah.	4.42	0.77	Sangat tinggi
21.	Laras bahasa adalah mudah dan menepati tahap intelek pelajar sekolah rendah.	4.51	0.79	Sangat tinggi
22.	Modul yang dibangunkan berunsur aktiviti.	4.54	0.56	Sangat tinggi
23.	Modul yang dibangunkan berunsur latihan.	4.54	0.56	Sangat tinggi

24.	Modul mengandungi unsur penilaian bagi menilai tahap penguasaan kosa kata.	4.53	0.59	Sangat tinggi
25.	Kandungan modul melibatkan aktiviti membaca teks.	4.58	0.53	Sangat tinggi
26.	Kandungan modul melibatkan aktiviti meneliti gambar.	4.54	0.56	Sangat tinggi
27.	Kandungan modul melibatkan aktiviti perbincangan.	4.49	0.53	Sangat tinggi
28.	Kandungan modul melibatkan aktiviti Misundait (berteka-teki).	4.46	0.53	Sangat tinggi
29.	Bentuk latihan memadankan makna dan perkataan sesuai dilaksanakan.	4.63	0.52	Sangat tinggi
30.	Bentuk latihan mencari antonim perkataan sesuai dilaksanakan.	4.53	0.62	Sangat tinggi
31.	Bentuk latihan mengisi tempat kosong dengan perkataan yang betul sesuai dilaksanakan	4.59	0.52	Sangat tinggi
32.	Bentuk latihan memadankan gambar dengan perkataan sesuai dilaksanakan	4.66	0.47	Sangat tinggi
33.	Bentuk latihan memadankan gambar dengan frasa sesuai dilaksanakan.	4.61	0.49	Sangat tinggi
34.	Bentuk latihan menulis ayat berdasarkan perkataan yang diberi sesuai dilaksanakan.	4.61	0.49	Sangat tinggi
35.	Bentuk latihan menghasilkan <i>sundait</i> (teka-teki) adalah sesuai dilaksanakan.	4.37	0.64	Sangat tinggi
36.	Aktiviti <i>misundait</i> (berteka-teki) sesuai dilaksanakan.	4.36	0.68	Sangat tinggi
Nilai Keseluruhan		4.55	0.43	Sangat tinggi

Dapatan kajian terhadap persetujuan guru-guru BKD berkaitan struktur dan bentuk modul pengajaran kosa kata BKD sekolah rendah menunjukkan min keseluruhan 4.55, iaitu berada pada tahap sangat tinggi dengan sisihan piawai 0.43. Konstruk ini terdiri daripada 21 item. Analisis menunjukkan kesemua item berada pada tahap sangat tinggi dimana nilai min berada dalam lingkungan 4.21-5.00. Kandungan modul memiliki tajuk besar yang dipisahkan kepada tajuk-tajuk kecil serta dilengkapi ilustrasi seperti gambar kartun, gambar rajah dan seumpamanya [10]. Guru-guru BKD bersetuju pada tahap sangat tinggi agar kandungan modul diselarikan dengan tema dan tajuk buku teks BKD sekolah rendah disamping penggunaan ilustrasi yang menarik. Disamping itu sistem bahasa yang digunakan adalah berpandukan

kepada *Puralan Boros Kadazandusun id Sikul* (Tatabahasa Kadazandusun di Sekolah) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Bahan ini adalah bahan rujukan utama buku tatabahasa BKD [22]. Guru-guru BKD juga turut bersetuju pada tahap sangat tinggi terhadap kandungan aktiviti dan latihan yang dinyatakan pada item 22 hingga item 36.

C. Mengenal pasti keperluan penerapan *sundait*

Jadual 3 memaparkan skor min dan sisihan piawai bagi analisis terhadap struktur dan bentuk modul.

Jadual 3: Analisis keperluan pembangunan modul terhadap keperluan penerapan *sundait*

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
37.	<i>Sundait</i> memperkaya kosa kata.	4.46	0.59	Sangat tinggi
38.	<i>Sundait</i> mengandungi nilai pendidikan yang tinggi.	4.42	0.62	Sangat tinggi
39.	<i>Sundait</i> mencabar minda pelajar untuk berfikir.	4.68	0.50	Sangat tinggi

40.	<i>Sundait</i> menggalakkan interaksi sosial.	4.61	0.52	Sangat tinggi
41.	<i>Sundait</i> menggalakkan komunikasi pelajar.	4.58	0.53	Sangat tinggi
42.	<i>Sundait</i> wajar dilestarikan melalui pendidikan.	4.53	0.53	Sangat tinggi
43.	<i>Sundait</i> menyampaikan nilai budaya.	4.59	0.49	Sangat tinggi
44.	<i>Sundait</i> memaparkan makna budaya.	4.59	0.49	Sangat tinggi
45.	<i>Sundait</i> dapat mengukuhkan jati diri seseorang pelajar.	4.46	0.53	Sangat tinggi
46.	<i>Sundait</i> mengandungi nilai didik hiburan yang tinggi.	4.56	0.56	Sangat tinggi
47.	<i>Sundait</i> dapat meningkatkan minat pelajar untuk mempelajari kosa kata BKD.	4.56	0.56	Sangat tinggi
48.	<i>Sundait</i> dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk mempelajari kosa kata BKD.	4.47	0.59	Sangat tinggi
Nilai Keseluruhan		4.54	0.47	Sangat tinggi

Analisis data yang dipaparkan pada jadual 3 menunjukkan nilai min keseluruhan bagi persetujuan penerapan *sundait* terhadap modul ialah 4.54, iaitu berada pada tahap sangat tinggi dengan sisihan piawai 0.47. Sebanyak 12 item dikemukakan bagi konstruk ini. Kesemua item didalam konstruk ini memaparkan nilai min berada dalam lingkungan 4.21-5.00, iaitu berada pada tahap sangat tinggi. Item 46 iaitu, "*sundait* mengandungi nilai didik hiburan yang tinggi" memaparkan nilai min 4.56 dengan sisihan piawai

V. KESIMPULAN

Kesimpulannya, pembangunan modul pengajaran kosa kata bersumberkan *sundait* BKD untuk sekolah rendah adalah sangat diperlukan. Kajian ini adalah selari dengan kajian lalu yang menyarankan agar murid yang mengambil subjek BKD didedahkan kepada aspek morfologi BKD seperti fungsi *boros ngaran* (kata nama), *boros maan* (kata kerja) transitif dan sebagainya melalui modul [9]. *Sundait* sebagai sumber kosa kata, pengisian aktiviti dan latihan yang mengandungi unsur didik hiburan turut relevan dan praktikal bagi kandungan modul pengajaran kosa kata BKD.

Kajian ini penting bagi menghasilkan modul yang relevan dengan keperluan guru dan pelajar bagi pengembangan kosa kata. Modul yang dihasilkan bukan sahaja menjadi bahan latihan kepada pelajar tetapi juga menjadi panduan dan bahan kepada guru dalam menerapkan pendekatan didik hiburan seperti yang disarankan di dalam PdP. Penggunaan *sundait* turut menyokong usaha melestarikan seni warisan agar tidak pupus ditelan zaman.

0.56 berada pada tahap sangat tinggi. Ini menunjukkan bahawa *sundait* boleh dijadikan pengisian pendekatan didik hiburan dalam PdP kerana memaparkan bahasa lucu [18]. Penerapan *sundait* (riddles) ketika PdP didapati meningkatkan penguasaan kosa kata [15], membantu mengingat perkataan dan meningkatkan keseronokan belajar [19]. Item 37 iaitu "*sundait* memperkaya kosa kata" memaparkan nilai min 4.46 dan sisihan piawai 0.59 berada pada tahap sangat tinggi.

PENGAKUAN

Terima kasih kepada penyelia, para pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), responden kajian di sekolah-sekolah rendah daerah Penampang Sabah serta semua pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan.

RUJUKAN

- [1] A. Sirbu, "The significant of language as a tool of communication," *PROQUEST SciTech Journals*, vol. XVIII, no. 2, pp. 405–406, 2015, doi: 10.21279/1454-864X.
- [2] Nurmasturah Jamil, Noor Asliza Abdul Rahim, and Shuhairimi Abdullah, "Penguasaan Kosa Kata dalam Komunikasi Bahasa Asing," *J. Hum. Dev. Commun.*, vol. 9, no. 1, pp. 99–108, 2020.
- [3] R. Kiting and M. Sintian, "1 Kertas kerja Seminar Antarabangsa Kesusasteraan dan Kebudayaan Borneo Sempena Pesta Menuai 2019 pada 30 Mei 2019 di The Klagan Hotel 1B Hypermall Kota Kinabalu

- Anjuran UPSI,” no. August, 2019, [Online]. Available: <https://www.researchgate.net/publication/35219250>.
- [4] H. Bating, “Bahasa Kadazandusun dan Pembakuan 1,” no. January, pp. 1–11, 2018.
- [5] S. Nurmala Sari and D. Aminatun, “Students’ Perception on the Use of English Movies to Improve Vocabulary Mastery,” *J. English Lang. Teach. Learn.*, vol. 2, no. 1, pp. 16–22, 2021, [Online]. Available: <http://jim.teknokrat.ac.id/index.php/english-language-teaching/index>.
- [6] L. D. W. Afrianti, “the Effect of Using Riddles on Vocabulary Achievement,” no. 1, pp. 1–4, 2015.
- [7] A. R. Kamariah and S. Siti Raihanni, “Memperkaya kosa kata pelajar,” *Semin. Bhs. Melayu*, vol. 2017, no. March, pp. 132–143, 2017.
- [8] D. HARTATININGSIH, “MENINGKATKAN PENGUASAAN VOCABULARY BAHASA INGGRIS DENGAN MENGGUNAKAN MEDIA WORDWALL SISWA KELAS VII MTs. GUPPI KRESNOMULYO,” *ACTION J. Inov. Penelit. Tindakan Kelas dan Sekol.*, vol. 2, no. 3, pp. 303–312, 2022, doi: 10.51878/action.v2i3.1443.
- [9] Norjieta Taisin and Tracy Valerian, “Pengaplikasian perisian kosa kata (Boros Maan) Kadazandusun dalam pencapaian murid sekolah rendah,” *Rumpun J. Persurat. Melayu, Vol. 8 (2), 2020*, vol. 8, no. 2, pp. 60–69, 2020.
- [10] Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, *Pembinaan modul: Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Serdang: UPM, 2005.
- [11] Kementerian Pendidikan Malaysia Bahagian Pembangunan Kurikulum, *BUKU PENERANGAN KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (SEMAKAN 2017)*. 2016.
- [12] M. Sintian, “Unsur Jenaka Dalam Pengajaran Bahasa Kadazandusun: Satu,” no. June, 2019.
- [13] M. P. H. G. Eben Pasaribu, S.Pd., “The Effect of Riddle Game on Students’ Vocabulary Mastery,” 2017.
- [14] K. O. Kandok, J., & Low, *Sundait Warisan Kadazandusun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016.
- [15] N. F. Gaybullaevich, “The role of folklore in the raising of children,” vol. 8, no. 12, pp. 181–186, 2020.
- [16] D. R. R. A. K. Ningrum, “Improving Students’ Vocabulary Using Riddles Game A Classroom Action Research,” *Improv. Students’ Vocab. Using Riddles Game*, vol. 2, no. 2, pp. 181–186, 2019, [Online]. Available: Khosy (2005, p. 98).
- [17] T. Empat, “Bahasa kadazandusun,” pp. 1–6, 2013.
- [18] “DSKP KSSR SEMAKAN BAHASA KADAZANDUSUN TAHUN 6 _ISBN.pdf - Google Drive.” <https://drive.google.com/file/d/1sjywx-Dp4wqio1YfuljGIlrFlchfMQ3U/view> (accessed Jun. 06, 2023).
- [19] Chua Yan Piaw, *Kaedah penyelidikan*, 4th ed. McGraw Hill, 2021.
- [20] Abdul Rahman Mahmud, *Membina Soal Selidik Langkah Demi Langkah*. Selangor Darul Ehsan, 2021.
- [21] Nojieta Julita Taisin, “Keberkesanan teknik pengajaran dan kalangan guru bahasa Kadazandusun sekolah,” in *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018*, 2018, no. April, pp. 363–376.
- [22] E. Annol, “Perkembangan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun di Malaysia: 1994-2014,” pp. 1–17, 2014.

MAKLUMAT PENULIS

<p>Penulis Pertama:</p> <p>PATRICK BIN JOLIUS</p> 	<p>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg. Malim, Perak Darul Ridzuan Malaysia</p> <p>E-mail: ondu77@gmail.com</p>
<p>Penulis Kedua:</p> <p>DR. ROSLIAH KITING</p> 	<p>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg. Malim, Perak Darul Ridzuan Malaysia</p> <p>E-mail: rosliah@fbk.upsi.edu.my</p>
<p>Penulis Ketiga:</p> <p>DR. JUPPRI BACOTANG</p> 	<p>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia</p> <p>E-mail: juppri@ums.edu.my</p>